

AWC kembangkan sektor tenaga boleh diperbaharui

Jalin kerjasama dengan dua pihak bagi capai matlamat

AWC Berhad, penyedia perkhidmatan kejuruteraan menjalin usaha sama dengan Solamas Sdn Bhd bertujuan mengukuhkan dan membangunkan sektor tenaga diperbaharui serta projek berkaitan tenaga solar bagi operasi dalam dan luar negara.

Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusannya, Azmir Merican berkata, usaha sama memberi pemilikan sebanyak 51 peratus terhadap AWC Berhad untuk meneruskan projek berkaitan, terutama sistem yang dihubungkan grid dan sistem gird photovoltaic (PV), di samping menyokong aspirasi kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi hijau.

Menurutnya, ia akan memberi peranan kepada AWC menyediakan Solamas dengan rangkaian perniagaan merangkumi bidang pemasaran, pentadbiran dan sokongan operasi untuk berkembang.

"Usaha sama itu akan memanfaatkan skim 'Feed-in Tariff' (FiT) bagi tenaga diperbaharui yang bakal dilancarkan pada suku kedua 2011," katanya selepas menjalin kerjasama bersama Solamas dan memeterai perjanjian dengan Germguard Technologies (M) Sdn Bhd,

AWC BERHAD SIGNING CEREMONY

FORMATION OF JOINT VENTURE WITH SOLAMAS SDN BHD
2010
GERM GUARD



● Lionel (kiri) bertukar dokumen perjanjian selepas memeterai kerjasama bersama Azmir.

di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, setakat ini AWC memperoleh kontrak bagi menguruskan projek itu untuk bahagian alam sekitarnya berjumlah RM400 juta dan operasi itu bertahan 18 hingga 24 bulan.

Solamas berkepakaran selama enam tahun dalam mereka bentuk dan membina sistem dan rumusan dikuasakan oleh solar.

Sementara itu, Pengarah Urusan

Solamas, Lionel Yap berkata, jalinan kerjasama memberi kepentingan luar biasa kerana sistem PV ialah kaedah pengeluaran elektrik menggunakan teknologi baru untuk mendapatkan kuasa matahari.

Ia disambut baik apabila AWC juga bekerjasama dengan Germguard, penyedia rangkaian menyeluruh perkhidmatan kualiti udara dalaman yang inovatif kepada pemilik, pengendali dan penyewa bangunan.